

BULETIN

KDN

BIL:1/2015 • ISSN 1394-4523 • www.moha.gov.my



Perpaduan Menjamin
KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN



MISI BANTUAN
KEMANUSIAN DAN
KEMASYARAKATAN

AMANAT KETUA SETIAUSAHA

Cabaran dan Iltizam Kita@KDN

Assalamualaikum-Warahmatullah-Hiwabarakatuh & Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia & Salam 1KDN

Permulaan bicara bersamalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas izin dan limpah kurniaNya diberikan kita kesempatan untuk memasuki tahun baru 2015 serta kecergasan untuk meneruskan pelaksanaan amanah dan tanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam negara kita terpelihara.

Saya yakin dan percaya walaupun kita sering menangani dengan pelbagai cabaran yang datangnya dalam pelbagai bentuk namun ianya bukanlah sesuatu yang amat sukar untuk diatasi. Ini kerana kita di KDN secara bersama membudayakan nilai-nilai teras organisasi iaitu Integriti, Kualiti, Inovasi Profesionalisme dan Semangat Berpasukan, di mana iltizam kita hanyalah bagi memantapkan lagi persepsi rakyat terhadap imej KDN dan juga kerajaan; sekaligus menjayakan misi KDN Menjadikan Malaysia Negara Selamat, Aman dan Sejahtera dihargai rakyat jelata.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh wargakerja KDN yang telah bertungkus lumus memastikan aspek dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada stakeholder amnya dan rakyat khususnya adalah yang terbaik dan cemerlang serta ada juga yang telah melangkui kebiasaan. Saya begitu berbangga dengan pendekatan berinovasi dan kreatif yang diambil oleh semua Bahagian/Jabatan/Agensi ke arah merealisasikan Pelan Transformasi Kerajaan.

Dalam menilai kejayaan dan menghitung pencapaian tahun 2014 setulus penghargaan saya rakamkan buat YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid bin Hj. Shariff yang telah banyak menyumbang idea bernes dan memimpin KDN memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada seluruh rakyat negara ini. InsyaAllah segala usaha murni Dato' Sri KSU akan digarap untuk KDN terus maju dan jaya. Tahun 2015 seperti mana kita semua rasai telah pun bermula dengan cukup mencabar bagi KDN.

Selain perlu menangani isu-isu semasa khususnya provokasi menerusi media siber, KDN telah berjaya melangkah pantas menggerakkan operasi menyelamat dan membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan,

Terengganu dan Pahang. Sehubungan itu KDN diberi kepercayaan sebagai kementerian yang menjadi peneraju untuk menyelaras bantuan semasa dan selepas banjir bagi Negeri Perak.



Alhamdulillah penghayatan nilai murni semangat kerja berpasukan membolehkan kita menangani semua cabaran secara berhemah di samping berupaya menggalas semua tanggungjawab secara bijaksana. Sebagai KSU adalah menjadi harapan saya agar iltizam yang dipamerkan pada tahun 2014 dan sepanjang suku tahun pertama 2015 diterus dan dimantapkan sebagai budaya kerja 1KDN.

Akhir kata ucapan tahniah kepada Sidang Pengarang Buletin KDN atas usaha mendokumentasi berita, peristiwa, program dan aktiviti melalui wadah Buletin KDN untuk pembacaan dan rujukan kita semua. Semoga mesej tersurat dan tersirat yang terkandung dalam edisi ini dan keluaran seterusnya adalah relevan dalam menjadikan kita sebagai seorang manusia dan pegawai awam yang berilmu pengetahuan selari dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi terkini. Sekian.

Dato' Sri Alwi bin Hj. Ibrahim

INTISARI KANDUNGAN

Amanat Ketua Setiausaha

2



Sidang Redaksi

4



Isi Kandungan

12



Semasa

16

Apresiasi Perkhidmatan

22

Aktiviti Utama

30

Sambutan Ulang Tahun

32

Kunjungan Hormat Delegasi Asing

39

Malam Mesra KDN

40

KDN Sana Sini

41

Kolaborasi Antarabangsa

48

RCI PATI Sabah

54

Program Pemantapan Kompetensi

57

Acara Aktiviti 1KDN

60

Keselamatan dan Penguatkuasaan

64

Kempen Kesedaran



Rampaian Aktiviti

Warga

SIDANG PENGARANG KDN

BIL 1/2015

PENAUNG:

DATO' SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM

KETUA SETIAUSAHA KDN

PENASIHAT:

DATUK HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL

DATO' WAN ALI BIN BESAR

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KDN

KETUA KOMUNIKASI KORPORAT:

NIK AHMAD KHUSAIRI sehingga 11 Februari 2015

ZUKRI VALENTENO mulai 5 Mei 2015

PENGARANG:

HASNIAH RASHID

PENOLONG PENGARANG/URUSETIA:

ISMALIA HASIMI

NUR AKMAR BT JA'AMAT

FOTOGRAFI:

UNIT MEDIA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- ASNI HAMZAH
- MOHAMAD FAEZ CHE MANSOR
- MOHAMED SHAFIQ MOHMAD YUSOP
- SHARIENA RAIHA SELAMAT
- ABDUL MUIZ BIN HJ. JAMALUDDIN

EDARAN/PUBLISITI:

UNIT KORPORAT BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

GRAFIK/REKALETAK:

SASYAZ HOLDING SDN. BHD.

Pandangan sidang penulis adalah hasil kreativiti dan pemikiran peribadi serta tidak melambangkan pandangan rasmi Sidang Pengarang atau pun dasar KDN.

Urusetia mengalu-alukan maklumbalas dan cadangan bagi maksud penambahbaikan kualiti penerbitan ini serta sumbangan pelbagai bentuk penulisan seperti laporan dan berita untuk keluaran akan datang.

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, mohon hubungi urusetia di:

Emel : ismalia@moha.gov.my dan

nurakmar@moha.gov.my

MENTERI KDN KINI TPM ... JPAM PINDAH KE JPM

PUTRAJAYA, 29 Julai 2015: Pengumuman Rombakan Kabinet 2015 menerusi sidang media Perdana Menteri YAB Dato' Sri Najib Tun Razak pada awal petang hari Selasa 28 Julai 2015 menyaksikan pelantikan YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang baru di samping mengekalkan portfolio Menteri Dalam Negeri (MDN). Rombakan tersebut turut menyaksikan Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN) YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Selain itu dua (2) TMDN yang baru iaitu YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Ahli Parlimen Pulai dan YB Masir Anak Kujat, Ahli Parlimen Sri Aman turut dilantik bagi membantu YAB TPM merangkap MDN menggalas tanggungjawab dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan dalam negeri. Rombakan tersebut menurut YAB PM adalah bagi memperkuuhkan lagi barisan ahli Jemaah Menteri dalam menghadapi cabaran menguruskan negara menjelang pilihanraya umum akan datang.

Pelantikan dua pemimpin tertinggi KDN ke jawatan yang lebih tinggi dalam pentadbiran kerajaan adalah juga simbol penghargaan YAB PM terhadap sumbangan perkhidmatan cemerlang KDN di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kepada negara dan juga rakyat. Susulan itu suatu majlis hi-tea diadakan bagi meraikan kepimpinan KDN dalam barisan kabinet baru pada 29 Julai 2015 bertempat di Dewan Gemilang.

Penganjuran majlis tersebut ternyata mempunyai signifikan tersendiri. Ianya merupakan majlis pertama Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di KDN sebagai TPM disamping kehadiran kali pertama kedua-dua TMDN yang baru. Ketua



Setiausaha YBhg. Dato' Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim mengetuai barisan pengurusan tertinggi dan seluruh wargakerja KDN melafazkan ucapan tahniah. Kemuncak majlis ialah acara pemotongan kek pulut kuning sebagai tanda kesyukuran dan juga rekod tandatangan kehadiran pertama oleh Datuk Nur Jazlan dan YB Masir ke organisasi KDN.

YAB TPM pada sidang media selepas majlis itu mengumumkan bahawa KDN kehilangan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang dipersejui YAB PM untuk dipindahkan ke bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan khususnya di bawah pengawasan YB Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri di JPM. Perpindahan tersebut adalah bagi menjadikan JPAM sebagai agensi tonggak dalam menangani aspek bencana alam:

'... Perkara ini merupakan arahan Perdana Menteri, dan telah diputuskan sebelum rombakan kabinet yang berlaku semalam ... saya yakin peletakan JPAM di bawah naungan JPM lebih memperlihatkan kerajaan serius dalam memberi tumpuan berkaitan isu bencana alam ... dan berkuatkuasa mulai tarikh pembentukan kabinet ...'

Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
29 Julai 2015

MALAYSIA KINI DI TAHAP 2 PEMERHATIAN

PUTRAJAYA, 27 Julai 2015: Komitmen dan inisiatif Malaysia yang diterajui KDN dalam menangani jenayah khususnya mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran susulan Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) Tahun 2014 ternyata berkesan. Laporan JNAS Tahun 2015 mengenai Pemerdagangan Orang terhadap 188 buah negara yang meliputi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan bertarikh 23 Julai 2015 meletakkan Malaysia di Tahap 2 Pemerhatian.

Peningkatan dari Tahap 3 (2014) ke Tahap 2 (2015) ternyata merupakan satu lagi pencapaian negara melalui KDN di bawah kepimpinan berwawasan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri (MDN). Pencapaian dalam memperbaiki kedudukan bukan sekadar pengiktirafan antarabangsa malahan telah melonjakkan imej negara ke tahap terbaik memandangkan Tahap 3 dirumuskan sebagai negara yang tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum dan kerajaannya tidak menunjukkan kesungguhan untuk memerangi jenayah tersebut.

Antara terjemahan komitmen negara ialah melalui penubuhan High Level Committee (HLC) yang di pengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri pada 3 Julai 2014 bagi membincangkan langkah-langkah penambahbaikan. HLC berfungsi sebagai mekanisme kekal pembuatan keputusan dasar dalam menangani jenayah ini. Terjemahan inisiatif kehadapan negara pula ialah pindaan pada Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masingnya pada 16 Jun 2015 pada 7 Julai 2015 lalu.

Kesimpulannya komitmen dan inisiatif utama itu membuktikan ketegasan negara dalam memerangi sebarang bentuk eksploitasi terhadap mangsa. Ini kerana perbuatan pemerdagangan orang melibatkan perbuatan pemerolehan tenaga kerja secara paksaan meliputi

awareness meetings and met twice at the national level. The anti-trafficking board established by the new anti-trafficking bill is designed to provide national-level guidance on combating trafficking. Malawi continued to lack a national action plan to address trafficking in persons. The majority of public awareness campaigns were coordinated at the district level with NGO partners. The government conducted 215 child labor inspections from June-December 2014; however, it did not report on the total number of inspections conducted. As of January 2015, the Ministry of Labor employed 29 district labor officers and 120 labor inspectors. The government did not make efforts to reduce the demand for commercial sex acts or forced labor, and it made no efforts to address child sex tourism. The government did not provide anti-trafficking training or guidance for its diplomatic personnel. In partnership with a foreign donor, the government provided Malawian troops with anti-trafficking training prior to their deployment abroad on international peacekeeping missions.


Refugees in Malaysia—including Rohingya men, children—lack formal status or the ability to obtain permits, leaving them vulnerable to trafficking. Many smugglers, which traffickers use to subject some to debt bondage. An estimated 80,000 Filipinos reside in Sabah, Peninsular Malaysia are reportedly subjected to forced prostitution, including 10,000 children, from refugee communities. A small number of Malaysian citizens are subjected to trafficking internally and have been subjected to sex trafficking in France, South Africa, and the United Kingdom.

The Government of Malaysia does not fully comply with minimum standards for the elimination of trafficking; however, it is making significant efforts to do so. In 2014, the government consulted with civil society stakeholders to draft and propose amendments strengthening the existing anti-trafficking law, addressing concerns raised in previous Trafficking in Persons Reports, including by allowing trafficking victims to move freely and work, and for NGOs to run the facilities. The amendment remained pending passage by Parliament at the end of the reporting period. The government adopted a pilot project to allow a limited number of victims to work outside government facilities. Authorities continued to provide assistance to foreign victims housed in government facilities for one to six months while under protection orders; these victims had limited freedom of movement and could not work outside the facilities. Malaysia substantially increased prosecutions, but the government convicted only three traffickers for forced labor and one for passport retention, a decrease from the nine traffickers it convicted in 2013. Malaysia also continued efforts in an expansive prevention campaign that raised awareness about trafficking.

MALAYSIA: Tier 2 Watch List

Malaysia is a destination and, to a lesser extent, a source and transit country for men, women, and children subjected to forced labor and women and children subjected to sex trafficking. The majority of trafficking victims are among the estimated two million documented and more than two million undocumented foreign workers in Malaysia. Foreign workers—primarily from Indonesia, Bangladesh, the Philippines, Nepal, Burma, and other Southeast Asian countries often voluntarily migrate to Malaysia in search of greater economic opportunities. Some migrants are subjected to forced labor or debt bondage by their employers, employment agents, or labor recruiters. Many foreign workers are employed by recruiting or outsourcing companies rather than by the factory or plantation where they work, making workers more vulnerable to exploitative labor conditions and limiting the ability of factories, manufacturers, and employers to address some labor concerns. In addition, recruitment and contracting fees are sometimes deducted from workers' wages, increasing workers' vulnerability to debt bondage. In accordance with governmental regulations, the burden of paying immigration and employment authorization fees is placed on foreign workers. Authorities report large organized crime syndicates are responsible for some instances of trafficking. Reports allege some corrupt officials impede efforts to address trafficking crimes.

Some foreign migrant workers on agricultural and palm oil plantations, at construction sites, in the electronics industry, and in homes as domestic workers are subjected to practices indicative of forced labor, such as restricted movement, wage fraud, contract debts by recruitment agents or employers. Some employers withhold an average of six months' wages from foreign domestic workers to recoup recruitment agency fees and other debts. Some forced labor victims in Malaysian waters, including Cambodian and Burmese men on Thai fishing boats, reportedly escape in the Cambodian territory. Due to concerns about domestic servitude, the Cambodian government prohibits its nationals from traveling to Malaysia for domestic work; however, some Cambodian women enter Malaysia to work despite this ban and some are subjected to domestic servitude. Some Indonesian domestic workers are subjected to domestic servitude in the Middle East after transiting Malaysia en route to these countries to circumvent anti-trafficking protections initiated by the Indonesian government. A significant



RECOMMENDATIONS FOR MALAYSIA:

Sign into law and implement amendments to the anti-trafficking law to allow trafficking victims to travel, work, and reside outside government facilities, including while under protection orders; increase efforts to arrest, investigate, prosecute, convict, and punish traffickers, including complicit officials; provide all victims equal opportunity to receive protective services that are not contingent on their participation in prosecutions against traffickers; effectively enforce the law prohibiting employers from confiscating passports; improve victim identification efforts and implement procedures to identify labor trafficking victims among vulnerable groups, such as migrant workers; enable trafficking victims in government facilities to make phone calls more than once per month; allocate sufficient funding to NGOs that provide victims in government

merekrut, mengangkut, memindah, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. Manakala, penyeludupan migran melibatkan perbuatan mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau sebaliknya kemasukan/pengeluaran seseorang secara tidak sah ke dalam/luar negara. Kedua-dua perbuatan tersebut adalah membabitkan aktiviti rentas sempadan dan bagi maksud eksploitasi serta lazimnya dilakukan tanpa perikemanusiaan.

SEKALUNG TAHNIAH KEPADA PENERIMA DARJAH KEBESARAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI



YBHG. DATO' SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
DARJAH SRI SULTAN AHMAD SHAH PAHANG (S.S.A.P)
30 JULAI 2015



YBHG. DATO' MUSTAFA BIN IBRAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
DARJAH SRI INDERA MAHKOTA PAHANG (S.I.M.P)
30 JULAI 2015



YBHG. DATO' ZAITUN BINTI AB. SAMAD
KETUA PENGARAH
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
JOHAN MANGKU NEGARA (JMN)



YBRS. DATO' LUKEMAN BIN SAAID
KETUA PENGARAH
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
DARJAH INDERA MAHKOTA PAHANG (D.I.M.P)
10 JULAI 2015

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DI ATAS PELANTIKAN



YBHG. DATUK HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
SEBAGAI
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA
BERMULA 1 OGOS 2015

YBHG. DATO WAN ALI BIN BESAR
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)
SEBAGAI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
BERMULA 10 OGOS 2015



YBrs. PUAN KAMARIAH BINTI MOHD NOAH
SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN
SEBAGAI
KETUA PENGARAH JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
BERMULA 13 JULAI 2015

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DI ATAS KENAIKAN PANGKAT



ENCIK MUHAMMAD KHAIR RAZMAN BIN MOHAMMED ANNUAR
SETIAUSAHA BAHAGIAN
NSO MAPO DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
SEBAGAI
SETIAUSAHA SULIT KANAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
BERMULA 30 JULAI 2015



ENCIK MUHAMAD SADE BIN MOHAMAD AMIN
SETIAUSAHA BAHAGIAN PARLIMEN DAN KABINET
SEBAGAI
SETIAUSAHA BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
PTD JUSA C
BERMULA 1 JULAI 2015



ENCIK CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN
SETIAUSAHA BAHAGIAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)
SEBAGAI
SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PTD JUSA C
BERMULA 27 JULAI 2015

**SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS PERKHIDMATAN DAN
SUMBANGAN SEMPENA PERSARAAN**



YBRS. DATO' LUKEMAN BIN SAAD
KETUA PENGARAH JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
PADA 10 JULAI 2015



YBHG. DATO' AWANG DIN
SETIAUSAHA BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
PADA 19 JUN 2015

SELAMAT DATANG

KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENGALU-ALUKAN PEGAWAI-PEGAWAI BARU



TUAN HAJI MOHAMAD SANURI BIN SHAHID

SETIAUSAHA BAHAGIAN KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN PENGUATKUASAAN
MULAI 4 FEBRUARI 2015



PUAN FUZIAH BINTI ABU HANIFAH

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
MULAI 9 MAC 2015



YBRS. TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSEN

SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PEMBANGUNAN & PEROLEHAN)
MULAI 6 APRIL 2015



ENCIK ZUKRI VALENTENO

SETIAUSAHA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
5 MEI 2015

TAHNIAH & SELAMAT BERKHIDMAT

PUTRAJAYA, 24 Januari 2015: Ketua Setiausaha Negara (KSN) YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa mengumumkan perlantikan YBhg. Dato' Alwi bin Hj Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan), Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred Utama A sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang baru. Perlantikan YBhg. Dato' Alwi menurut YBhg. Tan Sri KSN adalah berkuatkuasa mulai 26 Januari 2015 dan berselari dengan hasrat kerajaan memperkasakan lagi perkhidmatan awam melalui pelan transformasi.

Sebagai orang dalam organisasi KDN, disiplin kerja dan pengalaman luas YBhg. Dato' Alwi dalam bidang pengurusan awam, pembangunan sosial dan ekonomi serta keselamatan dan ketenteraman awam bukanlah sesuatu yang asing di kalangan wargakerja termasuklah Jabatan/ Agensi di bawah KDN. Pengenalan rasmi oleh Menteri Dalam Negeri (MDN) YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

pada hari ke-11 lantikan YBhg. Dato' Alwi sebagai KSU di program Perhimpunan Bulanan KDN pada 12 Feb 2015 lalu dengan sendirinya telah mendapat tepukan tahniah yang amat gemuruh.

Untuk rekod, rentetan perkhidmatannya di KDN bermula pada 22 April 2009; mulanya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara. YBhg. Dato' Alwi pada 22 Jun 2011 dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pendaftaran dan Imigresen) dan kemudiannya pada 15 Jun 2012 beralih portfolio sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan).

Karier perkhidmatan awam YBhg. Dato' Alwi bermula pada 9 Januari 1984 apabila dilantik ke jawatan PTD. Penempatan pertama YBhg. Dato' Alwi ialah di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun. Mulai 20 Ogos 1991 YBhg. Dato' Alwi melanjutkan pelajaran di University of Wisconsin Madison, Amerika Syarikat sehingga memperolehi Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dan Pentadbiran pada tahun 1992.

YBhg. Dato' Alwi sebelum menyertai wargakerja KDN pernah menyumbang bakti selama 16 tahun di Kementerian Perusahaan Awam yang kemudiannya distrukturkan semula sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KPUK). Kemajuan kerjaya YBhg. Dato' Alwi di KPUK amat lancar di mana pada fasa permulaan penempatan adalah sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Badan-Badan Berkanun dan berakhir pada jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) sebelum bertukar keluar.

Selain itu semasa di KPUK antara jawatan yang disandang ialah Ketua Penolong Pengarah, Pusat Khidmat Kontraktor; Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Perniagaan; Setiausaha Bahagian, Bahagian Program dan Projek Pembangunan serta Pengarah, Pusat Khidmat Kontraktor. Kilauan karisma kepimpinan terpuji YBhg. Dato' Alwi





terserlah dengan penerimaan Sijil 'Premier Business Management Program' Harvard Club of Malaysia (2007) dan Sijil Leadership Journey, Wharton Business School University Of Pennsylvania, USA (2011).

Khidmat bakti dan perkhidmatan cemerlang YBhg. Dato' Alwi telah membawa kepada penganugerahan Bintang dan Darjah Kebesaran Negeri dan Persekutuan iaitu Ahli Mahkota Setia (A.M.S) oleh DYMM Sultan Selangor (2001); Darjah Seri Melaka (D.S.M) oleh TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka (2008); Johan Setia Mahkota (J.S.M) oleh SPB Yang Di-Pertuan Agong (2009); Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) dengan gelaran Dato' oleh DYMM Sultan Pahang; dan terkini Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P) dengan gelaran Dato' Sri pada 31 Julai 2015.



Warga kerja KDN mengalu-alukan pelantikan dan berbangga dengan ungkapan penuh yakin dan mesra terhadap prestasi dan kebolehan YBhg. Dato' Alwi sebagai KSU seperti yang tersurat dalam Kenyataan Akhbar oleh YBhg. Tan Sri KSN:

'... saya berkeyakinan bahawa kelayakan, pengalaman, pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Dato' Alwi bin Hj Ibrahim akan membolehkan beliau memimpin dan meneruskan kecemerlangan Kementerian Dalam Negeri sebagai peneraju serta pentadbir urus keselamatan dalam negeri bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat ...'

Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
24 Januari 2015

Sempena dengan pelantikan YBhg. Dato' Alwi Bin Ibrahim sebagai KSU, wargakerja turut mengungkapkan ucapan tahniah di atas pelantikan YBhg. Datin Roba'aishah Binti Mohd Ghazali sebagai Pengurus PUSPANITA Cawangan KDN. Selamat Berkhidmat YBhg. Dato' dan Datin.

TERIMA KASIH & SALAM SEJAHTERA

Putrajaya, 12 Februari 2015: YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada akhir Amanat MDN sempena program Perhimpunan Bulanan KDN bertempat di pentas Auditorium D8 menyifatkan mantan KSU YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid bin Hj. Shariff sebagai pegawai yang amat komited dan berpegang kuat dengan amanah yang dipertanggungjawabkan. Katanya lagi komitmen YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid dalam meneruskan agenda KDN sebagai peneraju ehwal keselamatan dalam negeri amatlah dihargai, manakala sikapnya yang sering menjaga kebijakan pegawai / staf di bawah tadbirannya selama ini turut dihormati.

YB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam merakamkan penghargaan atas perkhidmatan YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid turut mendoakan kesejahteraan yang bersulamkan hamburan pujian dan mendapat tepukan bergemuruh tanda persetujuan oleh semua yang hadir sekaligus terpahat dalam sejarah tersendiri KDN:

... Dato' Sri Khalid walaupun dalam tempoh yang singkat telah menjadi KSU yang terbaik menerajui pentadbiran KDN dan memimpin dengan strategi dan secara efektif... budi tuan KDN ingat dan bakti tuan KDN tidak lupa. Terima Kasih dan semoga terus berada dalam kesejahteraan ...'

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Dalam Negeri
12 Februari 2015

YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid merupakan KSU KDN ke-19 bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 25 Januari 2015. Catitan rekod panjang perkhidmatan YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid di KDN bermula pada Disember 1984 hingga



Disember 2007 di pelbagai portfolio dan pangkat. Antaranya ialah Pasukan Petugas Pendatang Haram di Sabah (Penolong Pengarah); Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Perolehan (Ketua Penolong Setiausaha); Bahagian Pentadbiran (Setiausaha Bahagian); Bahagian Audit Dalam (Setiausaha Bahagian), RELA (Timbalan Ketua Pengarah); dan Bahagian Perolehan (Setiausaha Bahagian).

Sidang Pengarang merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan bakti selama lebih 27 tahun berkhidmat di KDN; dan juga khidmat nasihat selaku Penaung Buletin KDN.

MISI BANTUAN KEMANUSIAN DAN KEMASYARAKATAN

PUTRAJAYA, 3 Januari 2015: Menteri Dalam Negeri (MDN), YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melancarkan Misi Bantuan KDN dan Skuad Muda KDN bagi meringankan kesulitan yang dialami mangsa banjir musim tengkujuh 2014. Misi bertemakan bantuan kemanusiaan dan kemasyarakatan melibatkan seramai 24,700 wargakerja semua Jabatan/Agenzi di bawah KDN beserta sukarelawan Skuad Muda KDN yang dibentuk sejak tahun 2013.

Sebanyak 36 buah kenderaan padat dengan bahan bantuan dilepaskan ke seluruh negara meliputi sebuah Trailer kapasiti 5 tan, 25 buah Lori dan 10 buah Kereta Hilux 4WD. Sebaik selesai acara pelancaran, YB MDN turun padang ke Daerah Kuala Kangsar, Negeri Perak meninjau kawasan yang terjejas di samping menyampaikan bantuan kepada mangsa.

Misi bantuan menurut YB MDN adalah mencakupi bantuan material dan sokongan moral melalui khidmat bakti kemasyarakatan dengan tumpuan awal di kawasan-kawasan yang mengalami kerosakkan teruk akibat banjir besar dan luar biasa di penghujung 2014.

Bantuan material yang disalurkan adalah berupa barang keperluan harian seperti makanan, minuman, ubat-ubatan, pakaian termasuklah baju persekolahan dan selimut serta peralatan hasil sumbangan wargakerja, orang ramai, pertubuhan/kesatuan kebajikan/kemasyarakatan serta NGO. Terdahulu pada 29 Dis 2014, KDN telah pun membuka Pusat Penerimaan Sumbangan Orang Ramai di premis KDN.

Selain mengembeling aset dan tenaga wargakerja serta sukarelawan dalam operasi menyelamat dan bantuan, KDN turut memberi peluang kepada banduan Jabatan Penjara Malaysia untuk berbakti kepada masyarakat. Sumbangan para banduan adalah melalui penyediaan dan agihan roti segar di bawah Program Sari Diri Penjara Industri. Sebanyak 20,000 biji Roti Bun dan 1,000 buku Roti Loaf Putih keluaran Penjara Kajang (Zon Tengah) dan Penjara Tapah (Zon Utara) dibekalkan kepada mangsa melalui Pusat Pemindahan Banjir pada setiap hari.

KDN melalui agensi barisan hadapan khususnya JPAM, RELA dan PDRM





sejak banjir bermula pada 17 Dis 2014 lagi, telah pun turun padang membantu mangsa melakukan pelbagai akitiviti menyelamat seperti operasi pemindahan dan penempatan sementara di Pusat Pemindahan Banjir. Manakala, gerakkerja untuk membantu mangsa di musim pasca banjir adalah bagi membersih dan memulihkan kawasan-kawasan penempatan secara gotong-royong.

KDN melalui Mesyuarat Khas Pengurusan Krisis Banjir yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara pada 30 Dis 2014 dipertanggungjawabkan menerajui usaha membantu dan menyelaras tindakan pasca banjir bagi Negeri Perak. Untuk itu, pada 2 Januari 2015 KDN diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) YBhg. Dato' Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim mengadakan perbincangan dengan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak akan gerak kerja penyelarasan bantuan/pemulihan di samping melawat sambil menghulurkan bantuan kepada mangsa di Pusat Pemindahan banjir di Daerah Kuala Kangsar.

Kesinambungan komitmen tersebut diserlahkan melalui program turun padang YB MDN dan sukarelawan Skuad Muda KDN pada 6 Januari 2015 ke Pusat-pusat pemindahan di MRSM

Pasir Salak, UiTM Sg. Galah dan SK Lambo Kiri, Parit di samping meninjau Pejabat-pejabat KDN yang terkesan banjir di Kg Gajah, Perak.

Kesimpulannya, hikmah banjir besar yang luar biasa di penghujung tahun 2014 walau pun memerlukan banyak pihak didapati telah menyatupadukan masyarakat Malaysia yang prihatin. Sumbangan dalam pelbagai bentuk meliputi tenaga, barang dan wang ringgit telah secara spontan dihulurkan bagi membantu mereka yang terjejas.

Misi bantuan KDN dan Skuad Muda KDN dengan kerjasama Kementerian/Jabatan yang terlibat serta NGO diteruskan selepas banjir surut melalui pelbagai program bantuan/pemulihan seperti pembersihan kawasan dan rumah di Rantau Panjang, Tanah Merah dan Kuala Krai, Kelantan pada 7 – 8 Januari 2015 sebelum bergerak ke Negeri-negeri Terengganu dan Pahang serta lain-lain kawasan/negeri yang terlibat.



AKTIVITI UTAMA

PERHIMPUNAN BULANAN DAN AMANAT TAHUN BARU 2015


PUTRAJAYA, 15 Januari 2015- Menteri Dalam Negeri (MDN) YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah hadir menyempurnakan Perhimpunan Bulanan dan Amanat Tahun Baru 2015 bersama warga Kementerian Dalam Negeri di Dewan Auditorium, Kompleks D Putrajaya.

Dalam ucapan perasmian, YB MDN mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dato' Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim dan Pengurusan Tertinggi lain yang telah mengambil tanggungjawab ini sepanjang ketiadaan YBhg. Dato' Sri KSU.

Menteri Dalam Negeri juga menjelaskan mengenai status seorang rakyat Malaysia bernama Paul Wei Seng Phua atau Paul Phua yang dituduh terlibat dengan aktiviti perjudian haram di Amerika Syarikat dan kini sedang dibicarakan di Mahkamah negara tersebut di dalam Sidang Media.

Hadir sama Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pembangunan & Perolehan) Dato' Sri Adenan.





AKTIVITI UTAMA

MAJLIS MENGHADAP DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK



YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 27 Januari 2015 telah hadir ke Majlis Menghadap DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah.

Tujuan menghadap yang berlangsung (Istana Perak, Changkat Persekutuan, Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur) bagi mengangkat sembah Warkah Perkenan sebagai Felo DiRaja, Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSUM).

Turut hadir dalam majlis menghadap tersebut ialah YBhg. Ketua Setiausaha KDN, Dato' Sri Alwi bin Hj. Ibrahim, dan Ketua Eksekutif IPSOM, Dato' Dr. Lee Bee Phang. Seluruh warga Kementerian Dalam Negeri merasa amat bertuah di atas perkenan DYMM Tuanku sebagai Felo DiRaja dan optimis bahawa dengan kearifan dan kebijaksanaan DYMM Tuanku, kewujudan IPSOM dapat dimantapkan lagi sekaligus memenuhi peranan strategik dan signifikan dalam membantu arah tuju urusan keselamatan dan kesejahteraan awam.

SAM BUTAN HARI PENJARA KE-225
ULANG TAHUN

SAMBUTAN HARI PENJARA KE-225 DAN PERBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI PENJARA

Sambutan Hari Penjara Ke-225 telah berlangsung pada 19 Mac 2015 (Khamis) bertempat di Pusat Latihan Pegawai Penjara Malaysia (PULAPEN), Taiping, Perak yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri (MDN). Kira-kira 2,000 orang hadir memeriahkan majlis tersebut. Hadir sama ialah Ketua Pengarah Penjara, Komisioner Jeneral Dato' Sri Haji Zulkifli Omar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Keselamatan) KDN, Dato' Sri Adenan Ab. Rahman, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KDN, Dato' Wan Ali Besar.





MDN ketika dalam ucapannya berkata kejayaan Jabatan Penjara mengurangkan kadar residivis di bawah paras sembilan peratus adalah hasil daripada modul

pemulihan yang digunakan memberi tumpuan kepada semua perkara secara menyeluruh. Tambahnya, Jabatan Penjara berjaya meraih pendapatan dan melaksanakan penjimatan melalui penghasilan produk penjara yang mencecah nilai RM28.8 juta pada tahun 2014 berbanding RM21.5 juta tahun sebelumnya. Menurutnya lagi, peningkatan pendapatan kira-kira RM7.3 juta ini adalah satu perkembangan positif dan mahu melihat produk penjara terus diyakini pengguna serta dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Sempena sambutan Hari Penjara ke-225, seramai 28 anggota penjara dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara yang merupakan pingat penghargaan khas untuk anggota keselamatan dan kakitangan awam yang berjuang dan memberi khidmat sokongan dalam Operasi Daulat di Sabah. Dalam pada itu, 22 individu pula menerima Pingat Bakti Setia iaitu pengiktirafan tertinggi MDN dan Jabatan Penjara di atas khidmat bakti mereka dalam pemulihan penghuni. Sijil Penghargaan turut diberikan kepada dua Badan Bukan Kerajaan (NGO's), tiga bekas penghuni menerima Sijil Kepujian Modal Insan Berjaya dan 13 bekas penghuni menerima Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 yang telah tamat mengikuti Program Pemanduan Kenderaan Perdagangan bersama Metro Driving Academy.

“Peneraju Perkhidmatan Korektif” dipilih sebagai tema sambutan Hari Penjara ke-225 selaras dengan visi baru Jabatan Penjara yang membawa pengertian tentang usaha bersungguh Jabatan dalam memastikan program pemulihan yang efektif kepada banduan agar mereka mampu pulih sepenuhnya, boleh berdikari selepas dibebaskan dan tidak kembali mengulangi melakukan kesalahan jenayah.



PENJARA MALAYSIA TERAJU KHDIMAT KOREKTIF



TAIPEI, Perak: Menteri Dalam Negeri (MDN), YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari penjara ke-225 & Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Penjara pada 19 Mac 2015 mendedahkan bahawa modul baru kepenjaraan yang dirintis Jabatan Penjara Malaysia telah melonjakkan imej Penjara Malaysia sebagai sebuah institusi korektif yang berwibawa di persada antarabangsa. Modul baru yang berteraskan pembangunan dan pembentukkan semula insan mencakupi aspek hukuman dan pemulihian banduan kini dipelajari oleh Penjara-penjara dari luar negara bagi maksud diaplikasi dalam program pemulihian banduan di negara mereka.

Pendekatan baru dan amalan moden Penjara Malaysia dedah MDN lagi terbukti berjaya mengurangkan insiden kesalahan berulang sekaligus mengawal kadar kemasukan berulang (residivis) di kalangan bekas penghuni ke dalam penjara di seluruh negara. Bagi tahun 2014, kadar residivis negara adalah di tahap 7.6% yang mana merupakan pencapaian paling baik di kalangan negara-negara Asia. Prestasi di bawah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MDN/KDN pula adalah 1.4% mengatasi tahap sasaran kawalan yang ditetapkan iaitu ‘di bawah aras 9.0%’. Berkaitan itu MDN turut mengumumkan ubahsuai KPI kadar kawalan residivis ke tahap baru iaitu 5.0%.

Menerusi dua majlis yang dilangsungkan dalam satu acara di Pusat Latihan Pegawai Penjara Taiping, MDN

‘... kadar baru 5.0% itu adalah realistik dan mampu direalisasikan kerana komitmen tinggi setiap pegawai/anggota; beserta modul program pemulihan yang efektif seperti latihan separa kemahiran; dan juga pelaksanaan yang berterusan; selain itu konsep penjara sejahtera yang mengutamakan keselamatan, pemulihian dan pengurusan diyakini dapat memperkasakan lagi pengurusan kepenjaraan dan mematuhi standard antarabangsa...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Dalam Negeri
19 Mac 2015

turut mengumumkan berlakunya peningkatan pendapatan dan penjimatan sebanyak RM7.3 juta. Hasil daripada aktiviti-aktiviti perusahaan dan pemasaran produk penjara melalui program sara diri telah membolehkan nilai pendapatan dan penjimatan tahun 2014 mencecah sebanyak RM28.8 juta berbanding RM21.5 juta pada tahun 2013. Manakala menerusi Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), pelaksanaan program sara diri seperti penternakan ikan tawar, pembuatan roti dan penanaman sayur-sayuran dalam tahun 2014 turut menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM909,787.00.

Kesimpulannya transformasi oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam memberikan khidmat bakti mengawal dan memulihkan banduan telah meninggalkan impak yang positif kepada pengurangan kadar jenayah. Latihan separa kemahiran yang diperolehi oleh penghuni semasa menjalani hukuman membuka peluang kepada bekas penghuni penjara memperolehi sijil dan kemahiran keusahawanan mahu pun pekerjaan. Program membentuk semula insan seperti Maahad Tahfiz dalam penjara berjaya memantapkan nilai-nilai keinsafan dalam diri sekaligus menyumbang kepada pemeliharaan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara. Pengurangan kadar residivis tidak syak lagi adalah satu daripada tanda keberkesanan perkhidmatan.

SAMBUTAN HARI POLIS KE-208

POLIS MESRA MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 25 Mac 2015- Sambutan peringatan Hari Polis yang ke-208 di Dataran Pusat Latihan Polis Jalan Semarak (PULAPOL), dengan tema ‘Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada’ menunjukkan polis dan masyarakat perlu saling membantu dalam mensejahterakan negara. Pernuafakatan itu adalah penentu keberkesanan pelaksanaan perundungan negara. Dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam pelaksanaan undang-undang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa peka dengan perkembangan semasa terutamanya dalam menghadapi cabaran melalui laman sosial seperti Twitter. PDRM memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggunakan medium media sosial untuk mengancam keselamatan negara.



SAMBUTAN HARI RELA KE-43

KUCHING, 8 Februari 2015-Sambutan Hari Ulang Tahun RELA Ke-43 telah diadakan pada 8 Februari 2015 di Padang Merdeka, Kuching, Sarawak. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak. Program berlangsung selama dua hari bermula pada 7 hingga 8 Februari 2015. YAB Ketua Menteri Sarawak, dalam ucapan perasmian mahukan RELA dengan keahlian kira-kira 260,000 orang di negeri ini turut menyertai operasi membanteras kegiatan pembalakan haram.

"Anda boleh menjadi mata dan telinga kerajaan untuk membantu tindakan Jabatan Perhutanan, Perbadanan Kehutanan Sarawak, Polis, Polis Marin, Lembaga Sungai Sarawak dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak."

YAB Datuk Patinggi
Tan Sri (Dr.) Haji Adenan Bin Haji Satem
Ketua Menteri Sarawak

YAB Ketua Menteri turut memuji RELA kerana sumbangan besar mereka dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara khususnya perkhidmatan mereka pada waktu bencana dan kecemasan. KDN dihadiri Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Ketua Pengarah RELA Lukeman Saaid, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, dan kira-kira 7,000 anggota RELA dari seluruh negara.





SAMBUTAN
ULANG TAHUN

SAMBUTAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2015

SEREMBAN, 28 Februari 2015- Majlis sambutan Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) 2015 berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan (Kombes), Paroi Seremban. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan dengan bertemakan “Dadah, Kesannya Membinasakan”.

Sambutan pada tahun ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah terutamanya kepada remaja dan kanak-kanak. Sambutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan penyertaan remaja dalam Skuad 1Malaysia (Sukarelawan AADK) dan menjadi anggota bebas dadah.

Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah menghadiri majlis berkenaan.



KUNJUNGAN HORMAT REPUBLIK UNITED STATE OF AMERICA (USA)

PUTRAJAYA- Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah menerima kunjungan hormat daripada Dr. Evan Medeiros, *Special Assistant to the President and Senior Director for Asian Affairs, National Security Council*, Amerika Syarikat bersempena lawatan singkat ke Malaysia pada 24 dan 25 Mac 2015.

Menurut YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Malaysia dan Amerika Syarikat sentiasa berusaha mengukuhkan kerjasama yang merangkumi aspek keselamatan dan imigresen di mana kedua pihak telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Mengenai Kerjasama Dalam Menangani Jenayah Rentas Sempadan pada 17 Julai 2012 dan Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai kerjasama dalam aspek Imigresen pada 1 Oktober 2014.

Kedua-dua MOU tersebut menekankan kepada aspek pertukaran kemahiran, pengalaman dan bina upaya serta perbandingan amalan terbaik dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan dan imigresen. Malaysia menghargai Amerika Syarikat sebagai rakan strategik dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dua hala yang lebih erat dan baik memandangkan Amerika Syarikat juga



adalah rakan dialog ASEAN dan turut bekerjasama dengan negara-negara serantau dalam menangani jenayah rentas sempadan.

Malaysia akan menghoskan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan ke-10 (10th AMMTC) dan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Kebangkitan Radikalisme dan Keganasan Melampau di Kuala Lumpur pada 28 September hingga 2 Oktober 2015 di mana Amerika Syarikat akan dijemput untuk turut serta sebagai salah satu rakan dialog ASEAN.



KUNJUNGAN HORMAT

T.Y.T MENG HONGWEI

TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN AWAM,
REPUBLIK RAKYAT CHINA

21 JANUARI 2015





KUNJUNGAN
DELEGASI ASING

KUNJUNGAN HORMAT H.E DANIEL R. RUSSEL

ASSISTANT SECRETARY FOR BUREAU FOR EAST ASIAN
AND PACIFIC AFFAIRS, U.S. STATE DEPARTMENT

22 JANUARI 2015



KUNJUNGAN HORMAT

T.Y.T DR. MAKIO MIYAGAWA DUTA BESAR JEPUN

27 JANUARI 2015





KUNJUNGAN
DELEGASI ASING

KUNJUNGAN HORMAT T.Y.T THOR V. HUMENNYI DUTA BESAR UKRAINE

29 JANUARI 2015



KUNJUNGAN HORMAT MS. MARIA GRAZIA GIAMMARINARO

PELAPOR KHAS (SPECIAL RAPPORTEUR)
PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)

26 – 27 FEBRUARI 2015





KUNJUNGAN
DELEGASI ASING

KUNJUNGAN HORMAT T.Y.T PETER DUTTON MENTERI IMIGRESEN DAN KAWALAN SEMPADAN AUSTRALIA

26 FEBRUARI 2015





KUNJUNGAN HORMAT

PESURUHJAYA TINGGI
BRUNEI DARUSSALAM

T.Y.T DATO' PADUKA HAJI ALAIHUDDIN BIN PEHIN ORANG
KAYA DIGADONG SERI LELA DATO'SERI UTAMA HAJI
AWANG MOHD TAHA

KUNJUNGAN
DELEGASI ASING

10 MAC 2015



MALAM MESRA KDN 2014/2015

13 Mac 2015, Marriott Hotel Putrajaya





7 JANUARI 2015

YDH CP Dato' Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Sumber Strategik Dan Teknologi (Start) Merasmikan Majlis Inisiatif Hijau Balai Polis Taman Tun Dr.Ismail Dan Penyerahan Skuter Elektrik Amanita PDRM, Di Balai Polis Taman Tun Dr.Ismail.



23 JANUARI 2015

Mesyuarat Tahunan (Pemilihan) Kali Ke-6 Puspanita Cawangan Kecil KDN. Ibu Pejabat KDN di Dewan Gemilang, Kompleks D.



26 JANUARI 2015

Bacaan Yassin di Pejabat YBhg.Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim.



28 JANUARI 2015

Makmal Semakan Teks Al-Hadith yang diketuai oleh YBhg. Dato' Alwi Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, di Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya.



2 FEBRUARI 2015

Majlis Pelancaran Pasukan Bola Sepak PDRM 2015 Bersama YB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri.



6 FEBRUARI 2015

YB Perdana Menteri menunaikan Solat Jumaat bersama Presiden Indonesia Joko Widodo. Turut hadir YB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Bertempat Di Masjid Putra, Putrajaya.



11 FEBRUARI 2015

Majlis Penyerahan Sijil Kewarganegaraan Oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, YBhg. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.



15 FEBRUARI 2015

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim mengadakan Lawatan Ke Kompleks Penjara Bintulu, Sarawak.



25 FEBRUARI 2015

Lawatan Ms. Maria Grazia Giannarino, Pelapor Khas (Special Rapporteur) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Pemerdagangan Orang Terutamanya Wanita Dan Kanak-Kanak Ke Istana Kehakiman, Putrajaya.



26 FEBRUARI 2015

Lawatan Ms. Maria Grazia Giannarino, Pelapor Khas (Special Rapporteur) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Pbb) Mengenai Pemerdagangan Orang Terutamanya Wanita Dan Kanak-Kanak Ke Kota Kinabalu, Sabah Bersama YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah.



26 FEBRUARI 2015

Majlis Pertemuan YB Menteri Dalam Negeri Dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom Dengan Ahli Lembaga Pengawalan Dan Perlesenan Percetakan Al-Quran Dan Ahli Lajnah Tasleh Al-Quran, Bertempat di Marina Putrajaya, Majlis Pertemuan Ini Diadakan Khusus Untuk Membentangkan Hasil Makmal Semakan Al-Hadith Dan Turut Diadakan Sesi Dialog.



27 FEBRUARI 2015

Lawatan Ms Maria Grazia Giammarinaro, Pelapor Khas (Special Rapporteur) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Pemerdagangan Orang Terutamanya Wanita Dan Kanak-Kanak Ke Depot Tahanan Imigresen, Semenyih, Selangor.



16 MAC 2015

Rombongan Maktab Pertahanan Nasional Emiriyah Arab Bersatu (UAE) ke Kementerian Dalam Negeri Di Bilik Mesyuarat Sateria Kompleks D Kementerian Dalam Negeri.



20 MAC 2015

Lawatan Pemimpin Wanita Tempatan Tanjung Datu, Kuching Sarawak Ke atas YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar.





11th MALAYSIA-SINGAPORE IMMIGRATION WORK GROUP

11th Malaysia-Singapore Immigration Work Group (IWG) Meeting telah diadakan pada 26 Januari 2015 bertempat di Hotel Pullman, Putrajaya. Program ini dianjurkan oleh pihak Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan merupakan salah satu program dan komitmen Kerjasama Imigresen Malaysia-Singapura. Antara bidang yang terlibat untuk Kerjasama Imigresen Malaysia-Singapura adalah:

- (a) Menambahbaik kemudahan masuk untuk pelancong asing yang kerap memasuki kedua-dua negara;
- (b) Meningkatkan mekanisma untuk mengenalpasti pasport palsu (Perkongsian maklumat mengenai Lost and Stolen Passport);
- (c) Mengkaji semua kedudukan lokasi CIQ bagi kedua-dua negara dan pemprosesan di CIQ bagi menyokong rangkaian pengangkutan yang baru; dan
- (d) Menubuhkan mekanisma untuk menyokong kerjasama dan pengurusan operasi bagi lalulintas antarabangsa.



PENGURUSAN WARGA ASING DI SABAH

Laporan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

KOTA KINABALU, 10 Februari 2015-Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah telah mengadakan mesyuaratnya di Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat telah dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Dr, Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Menteri Sabah, YAB Dato' Sri Musa Aman. Jawatankuasa Induk ini antara lainnya diberi tanggungjawab untuk menggubal dasar dan strategi pendekatan pengurusan warga asing di Sabah serta memantau pelaksanaan dasar dan program oleh agensi yang berkaitan berhubung pengurusan warga asing dan jadual bersidang adalah sebanyak empat kali setahun. Ini juga turut menyaksikan penyerahan surat pelantikan YAB Ketua Menteri Sabah selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah oleh YB Menteri Dalam Negeri dan turut sama menerima surat pelantikan adalah Setiausaha Bersama serta ahli-ahli jawatankuasa bagi Jawatankuasa Induk tersebut



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan penuhnya Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah menurut Seksyen 2(1)(d) dan Seksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 pada 06 September 2012 dan menetapkan lapan (8) terma rujukan bagi Suruhanjaya ini. Seterusnya ketelusan Kerajaan juga dapat dilihat melalui keputusan Jemaah Menteri yang telah bersetuju supaya hasil siasatan dan laporan Suruhanjaya ini diumumkan kepada orang ramai dan ia juga telah dilaksanakan pada 03 Disember 2014 melalui Sidang Media oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

Bagi memastikan tindakan susulan diambil hasil terhadap syor dan laporan Suruhanjaya ini, maka Kerajaan telah bersetuju untuk menukuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang melibatkan dua (2) tier iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Dalam Negeri dan Ketua Menteri Sabah manakala Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Seterusnya, Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah juga telah mengadakan mesyuaratnya

yang terkini pada 17 Februari 2015 di Kota Kinabalu, Sabah yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah. Jawatankuasa Teknikal dijadualkan akan bersidang sebulan sekali telah diberikan tanggungjawab untuk:

- Meneliti laporan dan dapatan Suruhanjaya Siasatan dan mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pengurusan warga asing di Sabah
- Mengkaji pelaksanaan sedia ada pengurusan warga asing di Sabah, mendapatkan maklum balas daripada masyarakat Sabah berhubung penambahbaikan pengurusan warga asing di Sabah
- Mengemukakan syor ke atas status keberadaan warga asing di Sabah mengikut undang-undang dan peraturan
- Mencadangkan pelan tindakan bagi pengurusan warga asing di Sabah.



FORUM KE-9 CRIME AND POLICING IN MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), 12 Mac 2015- IPSOM dengan kerjasama USM telah mengadakan Forum ke-9 "Crime And Policing In Malaysia" bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra USM Pulau Pinang. Forum tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama kehadiran dihadiri Naib Cancelor USM, Timbalan KSU (K) YBhg. Dato' Seri Adenan Bin Ab. Rahman, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Dato' Mohmad Salleh, ketua jabatan bawah KDN dan penuntut USM. Forum yang diadakan membincangkan tentang jenayah yang berlaku di Malaysia dan masa akan datang turut melibatkan pengaruh Jabatan Siasatan Jenayah sebagai ahli panel.



ROUND TABLE DISCUSSION ANTARA KEMENTERIAN UNTUK DASAR KESELAMATAN DALAM NEGERI



YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah hadir ke Majlis Penutup Round Table Discussion (RTD) Dasar Keselamatan Dalam Negeri yang telah diadakan pada 7 Februari 2015 bertempat di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Ketua Setiausaha KDN, Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Ketua-ketua Jabatan dan tetamu jemputan. RTD yang berlangsung pada 4 - 7 April 2015 melibatkan Ahli Panel Penulisan Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) sendiri yang bertindak sebagai Moderator, seramai 64 orang pegawai-pegawai daripada kementerian/jabatan/agensi dalam dan luar KDN termasuk wakil daripada universiti bagi memperhalusi teras-teras strategik yang terkandung dalam kerangka dasar ini.

Di samping itu, wakil daripada Kementerian-kementerian juga telah berjaya menyiapkan Pelan Tindakan masing-masing bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dasar ini. Sesi ini dikendalikan bersama oleh Ketua Eksekutif IPSOM, SAC Dato' Dr. Lee Bee Phang dengan Naib Canselor UUM, YBhg. Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

VALUE MANAGEMENT LAB: SISTEM KAWALAN IMIGRESEN NASIONAL

PUTRAJAYA, Value Management Lab: Cadangan Pelaksanaan Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) Untuk Kegunaan Jabatan Imigresen Malaysia telah diadakan di Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya pada 23 – 27 Mac 2015.

Mesyuarat ini telah dipandu selia oleh pegawai daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan dihadiri oleh 130 peserta daripada pelbagai agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Kementerian Kewangan, wakil Cybersecurity dan juga wakil daripada pihak syarikat.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan dan menilai keperluan pengguna bagi pelaksanaan SKIN.



PERKONGSIAN PINTAR SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KENDERAAN

Selari dengan hasrat Kerajaan dalam melaksanakan perkongsian pintar bagi perkhidmatan Kerajaan sedia ada, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) telah merealisasikan hasrat tersebut melalui pewujudan Sistem Maklumat Pengurusan Kenderaan (SMPK) KDN.

Sistem tersebut telah dibangunkan secara dalaman oleh pegawai dari Bahagian IT dan telah mula dilaksanakan pada Julai 2010 dan berfungsi untuk menguruskan permohonan tempahan kenderaan Jabatan. Bahagian IT telah menerima permohonan daripada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri untuk menggunakan sistem tersebut.

Sesi perkongsian pintar telah diadakan pada 4 Mac 2015 di mana sesi demo sistem dan penyerahan sijil dan source code telah dilaksanakan.



PEMANTAUAN INISIATIF NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan Mesyuarat Pemantauan Inisiatif-Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah Bil.1/2015 pada 30 Januari 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, KDN.

Tujuan mesyuarat adalah untuk menyelaras dan memantau inisiatif-inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah 2015. Pemilik inisiatif yang terlibat adalah Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN AKTA PENAPISAN 2002

28 Januari 2015-Bengkel ini bertujuan untuk membuat semakan dan penambahbaikan ke atas Akta Penapisan Filem 2002 agar bersesuaian dengan situasi masa kini. Selain itu, program dianjurkan bagi memenuhi hasrat untuk membuat penambahbaikan. Bengkel ini dihadiri oleh pengarah-pengarah dari Bahagian Kawalan Filem (BKF) Cawangan, pegawai-pegawai di Ibu Pejabat BKF dan Ahli Lembaga Penapisan Filem dan berakhir dengan kejayaan dalam membuat penambahbaikan kepada proses kerja perkhidmatan teras.



ANGOTA pengurusan kawasan memeriksa DVD yang dijajal di sebuah pasar raya.

Tiga penjual DVD ditahan

Johor Bahru: Tiga penjual cakera video digital (DVD) ditahan dalam serbuan Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Pengurusan Johor Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sebuah pasar raya di Tapian, di sini, semalam.

Pengerusi, Venisie Sabit berkata, serbuan lam 2 petang di tiga premis di pasar raya itu dilakukan setimbang Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Pengurusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Mohd Samri Shafie.

Beliau berkata, operasi terkenaan diadakan basir maklumat orang ramai dan rujukan KDN bantuan 36 anggota termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Stukarlawan Melayu (JELA).

"Dalam serbuan berkenaan, 189 DVD filem local ditampas selain 4754 DVD tulita perakuan II tidak tanda kelulusan tapisan yang diunggarkan bernilai RM25,860," katanya.

Venisie berkata, dalam serbuan berkenaan, tiga lelaki berusia antara 25 hingga 33 tahun yang mempunyai pekerjaan tetap bagi mendapat susutan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

"Semua premis itu pernah dinerbu sebelum ini, namun mereka mengugali lagi perkataan sama. Timbalan dilakukannya mengikuti Seksyen 18 Akta Penapisan Filem 2002 iaitu kerana tidak memiliki perlakuan tapisan."

"Susutan juga dilakukan mengikuti Seksyen 5 akta sama kerana memiliki filem lucuah," katanya.

Petikan keratan akhbar yang menunjukkan kejayaan BKF Cawangan Johor semasa melakukan operasi pemeriksaan DVD lucuah dan tiada kelulusan tapisan pada 24 Februari 2015



BENGKEL PENGUMPULAN DATA ASET TAHUN 2015

Bagi suku tahun pertama 2015, Bahagian Akaun Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan beberapa siri bengkel pengumpulan data aset tak alih bagi membantu Jabatan di bawah KDN mengumpul maklumat baki awal. Bengkel ini diadakan bermula Februari 2015 sehingga Mac 2015 yang turut dihadiri oleh wakil JKPTG.

Selain itu, kursus turut diadakan bagi memperkasa modal insan dengan pengetahuan dan kefahaman perakaunan akruan yang merangkumi konsep asas, polisi dan piawaian, manual dan carta perakaunan akruan.

Bahagian Akaun bersama dengan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat telah turut membuat lawatan ke stor Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Lawatan ini bertujuan untuk memahami aliran perolehan inventori di sesuatu Jabatan dan seterusnya mengetahui item-item inventori bagi Jabatan tersebut. Ini kerana, Kementerian Dalam Negeri merupakan perintis untuk pelaksanaan perakaunan akruan bagi inventori. Manakala bagi Jabatan Pendaftaran Negara, lawatan dijangka diadakan dalam masa terdekat ini.



ACARA AKTIVITI
1 KDN

PERHIMPUNAN BULANAN

FEBRUARI 2015

PUTRAJAYA, 12 Februari 2015- Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah hadir menyempurnakan Perhimpunan Bulanan bersama warga Kementerian Dalam Negeri di Dewan Auditorium, Kompleks D Putrajaya.



Dalam ucapan perasmian, Menteri Dalam Negeri mengingatkan enam (6) perkara utama iaitu penguatkuasaan pelaksanaan GST yang akan bermula pada 1 April 2015, Kejatuhan harga minyak dunia sebanyak 60%, Pelancaran Rancangan Malaysia Ke 11 pada bulan Mei 2015, persediaan menghadapi dan mengatasi malapetaka banjir, Ancaman Keselamatan Negara khususnya berkaitan IS dan giliran Malaysia menjadi Pengerusi Asean dan Pengisytiharaan Asean sebagai Economic Community.

Pengisytiharaan tersebut bakal mencipta sejarah tersendiri kerana diisytiharkan di Kuala Lumpur. Kerajaan juga akan membentangkan Akta Anti Keganasan – Prevention of Terrorism Act, (POTA) pada bulan Mac 2015 sempena Sidang Parlimen.

Menteri Dalam Negeri juga menjelaskan mengenai 101 fokus KDN yang telah dikenal pasti, sebanyak 9 adalah daripada sektor keselamatan, 11 dari sektor kawalan penerbitan dan penguatkuasaan, 22 dari sektor pengurusan, 7 daripada sektor sokongan, ROS 6, JPAM 5, RELA 4, JPN, AADK 12, JIM 4, Penjara 9 dan PDRM 7. Hadir sama Timbalan Menteri Dalm Negeri Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Ketua Setiausaha KDN.

ROCK MELON CCRC DENGKIL PRODUK ANTARABANGSA

DENGKIL, 24 Februari: YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah Ketua Pengarah AADK Malaysia telah menyempurnakan Majlis Program Tuaian Hasil Tanaman Rock Melon di bawah Program NBOS3 bertempat di CCRC Dengkil. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengurus Ahli Lembaga Pelawat CCRC Dengkil, Jabatan Pertanian Selangor, MARDI Selangor dan FAMA Selangor.

Program NBOS3 ini bertujuan untuk melatih dan mendedahkan klien yang terlibat dengan kemahiran dan teknologi baru pertanian berdasarkan sistem penanaman terkini. Dalam masa yang sama program ini dapat melahirkan klien sebagai usahawan baru dalam bidang pertanian yang mempunyai kreativiti dan kemahiran berkaitan pertanian. Dalam majlis yang sama Dato' Suhaimi turut melihat Pertukaran Perjanjian Ladang Kontrak (FA) antara FAMA dan CCRC Dengkil.

Dimaklumkan produk rock melon CCRC Dengkil ini turut dibawa oleh FAMA dalam pasaran di Singapura dan dibekalkan kepada Malaysia Airlines Berhad (MAS) untuk penumpang yang menggunakan perkhidmatan mereka. Di akhir majlis tersebut Dato' Suhaimi turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Agensi / Jabatan yang terlibat di bawah projek NBOS3 CCRC Dengkil.



PENYERAHAN PROJEK KLINIK CURE & CARE 1MALAYSIA PERAK TENGAH

PUTRAJAYA, 3 Mac: YBhg. Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim telah menyempurnakan penyerahan projek Klinik Cure & Care 1Malaysia Perak Tengah melalui satu majlis yang diadakan di Bilik Sidang Media, Aras 11, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Projek Klinik Cure & Care 1Malaysia Perak Tengah telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Perak Tengah dengan kos berjumlah RM2.42 juta dan siap sepenuhnya pada 30 November 2014. Projek ini melibatkan kerja-kerja meroboh bangunan sediaada, penambakan tanah, pembinaan sebuah blok pentadbiran,

sebuah pencawang elektrik, sebuah rumah pam, sebuah pondok pengawal dan sebuah kolam takungan.

Pada majlis berkenaan, YBhg. Dato' Suhaimi Bin Abdullah, Ketua Pengarah AADK telah menandatangani dokumen penyerahan projek dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Hj. Wahab bin Mohd Yasin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar, Setiausaha Bahagian Pembangunan KDN, Puan Kamarian Bt Mohamad Noah, Encik Othman Bin Mohamed Nazari, Pengarah Khidmat Pengurusan AADK, wakil-wakil daripada Jabatan Kerja Raya serta agensi-agensi di bawah KDN yang terlibat.



HALAQAH DI KLINIK C&C TAMPOI

TAMPOI, 6 April: Program Halaqah merupakan salah satu komponen di dalam Program Rawatan dan Pemulihan yang dijalankan di Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi. Program ini dilaksanakan sebaik sahaja klien masuk ke asrama induk dengan diberikan taklimat berkaitan program kerohanian yang dijalankan sepanjang mereka berada di Klinik C&C 1Malaysia Tampoi. Klien diterangkan tentang konsep bersuci dan tatacara mandi wajib yang sempurna sebelum mereka diterangkan pula dengan konsep taubat.

Solat adalah elemen utama dalam pelaksanaan Halaqah, klien diwajibkan untuk menunaikan setiap solat fardu secara berjemaah di masjid dan membaca zikir dan wirid serta menghadiri kuliah-kuliah yang disampaikan. Setiap hari klien akan menunaikan Solat Sunat Dhuha sebelum dibahagikan kepada kelompok yang terdiri daripada Kelompok Bacaan Solat, Kelompok Doa Harian, Kelompok Surah Lazim atau Kelompok Tilawah Al-Quran.

Tujuan kelompok atau kumpulan ini dibuat adalah untuk menjadikan klien berilmu melalui sistem pembelajaran dan penghafalan secara berkumpulan. Ia juga memudahkan lagi proses hafalan iaitu dengan membaca secara berulang-ulang dan beramai-ramai. Selain memudahkan proses hafalan ia juga menjimatkan masa dan pemantauan hafalan lebih mudah dilakukan.

Program-program ilmiah juga turut disediakan kepada klien dengan mendapat kerjasama daripada badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Keluarga Johor Darul Takzim (YPK) dan juga daripada ahli lembaga pelawat. Selain itu juga turut dilaksanakan kursus-kursus pemantapan fardu ain dan fardu kifayah bagi klien seperti Kursus Tahsin Solat, Kursus Ibadah Pesakit dan juga Kursus Pengurusan Jenazah.



Bagi memantapkan lagi hati dan jiwa klien, setiap bulan diadakan program tazkiyatun nafs iaitu Qiamullail, dengan klien bermalam dan beriktkaf di masjid serta menunaikan solat-solat sunat. Pertandingan-pertandingan berbentuk islamik dan ilmiah seperti Pertandingan Kuiz

Agama, Pertandingan Azan, Hafazan Surah Lazim serta Pertandingan Membaca Khutbah turut dilaksanakan bagi dapat mengukur sejauh mana pengetahuan dan kemahiran klien dalam pengetahuan Islam.



Selain itu, ia juga merupakan program berbentuk hiburan yang dapat merancakkan lagi proses pembelajaran Islam yang dijalankan. Respon yang diperolehi daripada klien amat memberangsangkan iaitu mereka turut berpendapat bahawa program kerohanian adalah satu dari elemen yang dapat melahirkan kesedaran, keinsafan dan keazaman kepada mereka di dalam menerapkan nilai-nilai murni dan cara hidup yang dituntut oleh Islam seterusnya menjadi seorang muslim yang bertaqwa dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan dapat menghindarkan diri dari sebarang gejala yang boleh merosakkan.





"UNCLE" KONGSI PENGALAMAN

TAMPOI, 11 Februari: Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi, Johor telah menjemput Dato' Shariff Bin Osman mantan Pengarah Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri untuk memberikan ceramah motivasi untuk pegawai, klien serta keluarga klien mengenai permasalahan dadah.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai pengalaman beliau semasa menerajui Agensi Antidadah Kebangsaan suatu ketika dahulu. Dato' Shariff yang dikenali dengan panggilan mesra "Uncle" juga banyak memberikan nasihat dan kata-kata motivasi kepada klien khususnya dalam proses kepulihan. Beliau juga menekankan peranan keluarga yang amat penting untuk memberikan sokongan dan penerimaan yang tidak berbelahan bagi kepada bekas-bekas penagih dadah yang ingin kembali kepangkal jalan.

Pegawai-pegawai agensi juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membantu klien-klien yang menerima rawatan di sini. Mereka perlu menjiwai klien-klien supaya dapat memberikan dorongan dan panduan untuk lakukan perubahan diri.

Di akhir sesi motivasi, Dato' Shariff berjumpa dengan tiga orang klien wanita yang terlibat dengan masalah penagihan heroin, syabu dan petrol. Beliau amat tersentuh dan ingin membantu klien ini dengan menghubungi Giat Mara yang dapat menawarkan kursus yang bersesuaian untuk mereka.

Program motivasi ini berjalan dengan jayanya dan semua peserta berpuas hati dengan penyampaian yang menarik dan padat dengan ilmu pengetahuan yang telah dikongsikan.

OPS GONG XI 2015 UAS

PADANG BESAR, 25 Februari: Unit Antidadah Sempadan (UAS) Padang Besar, Perlis dengan kerjasama Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Padang Besar telah mengadakan operasi bersepadu di sekitar Kompleks ICQs Padang Besar. Program penguatkuasaan ini diadakan susulan sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina yang melibatkan pergerakan keluar dan masuk rakyat Malaysia ke Negara Thailand.

Operasi ini bukan sahaja untuk mengekang penyalahgunaan dadah melalui penguatkuasaan tetapi turut memberi maklumat penyalahgunaan dadah terutamanya penyalahgunaan ketum/biak dan syabu dapat disalurkan dengan lebih berkesan. Dalam operasi yang dijalankan itu telah berjaya menahan 8 orang dan didapati positif dalam ujian saringan awal air kencing.

Didapati 7 orang lelaki positif methamphetamine dan 1 orang lelaki positif Ganja. Seramai 5 orang OKT telah diambil tindakan oleh pihak AADK Negeri Perlis di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1983 pindaan 1998 dan 3 orang OKT diambil tindakan di bawah Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh BSJND Padang Besar. Turut hadir dalam operasi bersepadu ialah Pengarah AADK Negeri Perlis Puan Azizah Binti Ahmad.



PELANCARAN OPS BANTU X JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Februari 2015: Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) melancarkan Ops Bantu X sempena musim perayaan Tahun Baru Cina 2015. Majlis Pelancaran disempurnakan oleh YBhg. Dato Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KDN).



Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim berkata Ops Bantu JPAM ini merupakan acara tahunan JPAM yang diadakan dua kali setahun iaitu pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan juga Sambutan Hari Raya Aidil Fitri bertujuan membantu pengguna jalan raya yang menghadapi kesulitan dan kecemasan semasa di jalan raya. Program yang bercorakkan "Ronda dan Rawat" dan "Emergency Response" ini tertumpu kepada 86 laluan utama yang melibatkan jalan-jalan persekutuan dan jalan biasa yang juga menjadi jalan penting bagi pengguna-pengguna jalan raya yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing.

Menurut YBhg. Dato' KSU, operasi yang bermula dari 16 Februari sehingga 24 Februari 2015 melibatkan seramai 7,200 anggota JPAM di seluruh Negara. Mereka berperanan bukan sahaja dalam membantu mangsa-mangsa kemalangan malah turut membantu pemilik kereta/motosikal membaiki kerosakan kecil kenderaan seperti menukar tayar jika didapati pancit serta membantu pengguna kenderaan yang kehabisan bahan api serta mengalihkan halangan di jalan raya.



HUKUMAN KESALAHAN KETUM TIDAK SETIMPAL

IBU PEJABAT AADK, 3 Mac: Hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pengukuasaan Undang-Undang (JPU) Bilangan 1 Tahun 2015 yang berlangsung pada 26 Januari 2015, telah bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Menteri Dalam Negeri selaku Pengerusi JPU agar pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 berkaitan kawalan ketum turut meliputi pindaan kadar denda dan hukuman bagi kesalahan ketum diperketatkan bagi mereka yang menanam, menjual, mengedar, dan memproses daun ketum.



Sehubungan dengan itu satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar bersama YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah Ketua Pengarah AADK dan ahli mesyuarat yang lain telah diadakan di Ibu Pejabat AADK Malaysia. Mesyuarat tersebut membincangkan agar hukuman di bawah Seksyen 6 iaitu 'denda RM20,000 dan penjara tidak melebihi 5 tahun' dikaji semula kerana ianya didapati terlalu rendah dan tidak sesuai lagi pada zaman ini.

Status pindaan ialah bacaan kali pertama Rang Undang-Undang tersebut di Dewan Rakyat telah berlangsung pada 25 November 2014 dan bacaan kali kedua di Dewan Rakyat dijadualkan berlangsung pada Penggal Pertama Sesi Parlimen 2015 yang akan bermula pada 9 Mac 2015. Dengan pindaan ini, kita berharap agar kawalan yang lebih ketat dapat dilaksanakan terhadap pihak-pihak yang mengeksplorasi daun ketum bagi tujuan disalahgunakan.

PROGRAM PENCEGAHAN DADAH..... WAHAI ANAK BANGSAKU

PASIR MAS, 25 Februari: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Pasir Mas dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan (SK) Kepas, Pasir Mas telah menganjurkan program pencegahan dadah yang bertempat di dewan utama sekolah berkenaan.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung adalah ceramahantidadah dan juga pameran antidadah. Slot ceramah telah disempurnakan oleh Puan Zunainah Binti Mohd Salleh, Penolong Pegawai AADK

Daerah Pasir Mas. Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar sekolah tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Para pelajar juga dijelaskan dengan implikasi panyalahgunaan dadah terhadap diri, keluarga seterusnya kepada negara. Selain itu, para pelajar juga diseru untuk mempraktikkan cara hidup sihat supaya mereka sentiasa bersedia untuk menimba ilmu disepanjang sesi pembelajaran masing-masing.





DADAH.. KESANNYA MEMBINASAKAN

PAROI, 2 Mac: Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) 2015 diadakan pada setiap tahun adalah sebagai memperingati pelancaran Kempen Antidadah Nasional yang pertama pada 19 Februari 1983 di mana Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia telah mengisyiharkan Dadah Musuh Nombor Satu Negara pada ketika itu. Pada sambutan tahun ini yang bertemakan “Dadah... Kesannya Membinasakan”, memberikan mesej mengenai kesan dan bahaya dadah yang ditunjukkan secara jelas dan berterus terang kepada semua masyarakat agar mereka “merasai” bahawa penyalahgunaan dadah membawa kebinasaan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Majlis Sambutan HADK 2015 ini telah disempurnakan bersama oleh YAB Dato’ Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato’ Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan serta negeri. Bersempena sambutan pada kali ini, tetamu-tetamu kehormat telah melancarkan Video Animasi Kesan Dadah yang memperihalkan kesan buruk pengambilan dadah jenis Heroin, Syabu, Ecstacy, Pil Kuda dan Ganja.

Majlis dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti Futsal, sandwichboys and sandwichgirls, Persembahan Sukan Ekstrem (Skateboard & BMX oleh Persatuan Belia), booth Doktor Muda Bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan gerai jualan produk PLUSPEN. Dalam masa yang sama hadirin yang hadir dihiburkan dengan beberapa artis tempatan seperti Aris Ariwatan, Saleem, Zehra Zamri dan Nubhan AF.Warna Putih telah dipilih sebagai tema pada kali ini sebagai simbol kontra dengan kesan-kesan akibat penyalahgunaan dadah seperti kesengsaraan, kedukaan, kesusahan kebergantungan.



SMART CLICK AADK

IBU PEJABAT AADK, 2 Mac: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menganjurkan program pengukuhan integriti dengan mengadakan Majlis Ilmu 'SMART CLICK' Kemahiran Keibubapaan Dalam Menangani Media Baru bertempat di Auditorium, Blok A, AADK Ibupejabat. Majlis ini telah disempurnakan oleh En. Mohd Nor Bin Ali, Pengarah Unit Integriti, AADK.



Objektif program ini ialah memberi kesedaran dan kefahaman agar menggunakan internet dengan cara yang selamat serta memupuk penggunaan internet secara positif di kalangan warga AADK. Seramai 3 orang penceramah daripada Bahagian Jangkauan Dan Penglibatan, SKMM iaitu Puan Istiarty Bt. Baharudin, Puan Nurul Fatirah Bt. Halim dan Puan Nurzakiah Bt Osman telah hadir untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Smart click' Kemahiran Keibubapaan Dalam Menangani Media Baru.

Di antara kandungan ceramah yang disampaikan ialah kesan buruk ketagihan internet, dapatan kaji selidik ketagihan internet, kaedah mengenalpasti ketagihan internet di kalangan anak remaja dan kakitangan di pejabat seperti melayari internet melebihi 4 jam, penyalahgunaan media sosial, tips keselamatan internet dan perundangan.

Pihak SKMM juga mengedarkan bahan-bahan bacaan berbentuk sisipan, brosur, buku, sticker dan banting. Ceramah interaktif ini dimeriahkan lagi dengan pemberian 'door gift' oleh pihak SKMM kepada peserta yang menjawab kuiz secara spontan.

BANTUAN BANJIR

DUNGUN, 24 Februari: Unit Pencegahan AADK Daerah Dungun telah mengadakan Program Misi Bantuan Banjir bersama YBhg Dato' Suhaimi Bin Abdullah Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia, baru-baru ini. Program yang diadakan di AADK Daerah Dungun ini bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa banjir dalam membersihkan rumah kediaman dan kawasan persekitaran kampung mereka. YBhg. Dato' Ketua Pengarah juga turut menyampaikan sedikit bantuan keperluan harian kepada oleh mangsa-mangsa. Diharapkan sedikit bantuan seperti ini dapat meringankan beban mangsa-mangsa yang terjejas banjir.



Disediakan oleh:
Shaikh Hairi Hafiz B Shaikh Anuar,
AADK Daerah Dungun.

GEMA MALAM RASULLAH @ CCVC SEPANG

CCVC SEPANG, 16 Februari: Cure & Care Vocational Center (CCVC) Sepang telah menganjurkan program Malam Gema Kasih Rasulullah melibatkan klien CCVC Sepang dan komuniti setempat. Program yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah AADK dan YBhg. Dato Wan Ali bin Wan Besar, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Malam Gema Kasih Rasulullah diadakan untuk menghayati dan menghidupkan Sunnah Rasulullah khususnya dengan merapatkan ukhwah Islam disamping bersama-sama menzahirkan kecintaan dan berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Selain berqasidah dan berselawat, para hadirin turut berpeluang mendengar tausiyah yang disampaikan oleh Syeikh Abdul Razak Al Masri. Majlis ini juga dijadikan sebagai platform untuk mendekatkan CCVC Sepang dengan masyarakat serta mengeratkan hubungan dengan agensi-agensi awam, NGO dan pelbagai pihak ke arah membina kerjasama strategik dalam menjayakan hasrat negara sifar dadah.

Laporan oleh: Unit Media & Komunikasi Korporat,
Ibu Pejabat AADK



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2015 KDN

PUTRAJAYA, 3 Januari 2015: Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menyertai Sambutan Maulidur Rasul 2015 yang berlangsung bersamaan 12 Rabiulawal 1436H di Putrajaya. Perarakan yang bermula dari Istana Kehakiman hingga ke Masjid Putra telah mendapat sambutan dari setiap Kementerian, Jabatan dan juga Syarikat Swasta. Dalam perarakan tersebut kontinjen Kementerian Dalam Negeri telah diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha KDN (P&P) Dato' Sri Adenan Abd Rahman. Turut serta Timbalan Ketua Setiausaha (P) Dato' Wan Ali Bin Besar bersama 50 kakitangan KDN telah berarak sambil berselawat keatas Nabi hingga ke Masjid Putra.



BACAAN DOA SELAMAT

5 Januari 2015: Satu majlis doa selamat dan bacaan yasin telah dianjurkan oleh Bahagian Kewangan bertempat di Bilik Mesyuarat Ringgit 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri. Ianya bertujuan untuk memberkati perjalanan kerja para petugas Bahagian Kewangan di samping meraikan sambutan hari lahir para pegawai yang lahir pada bulan Januari. Bacaan yasin telah di pimpin oleh Encik Shah dari Bahagian KP dan secara keseluruhan aktiviti ini di dapatkan berjaya menambahbaik semangat bekerja dalam pasukan kerja Bahagian Kewangan.



PROGRAM OUTREACH KAUNSELING PSIKOLOGI

29 Januari 2015: Program Yang Berlangsung Di Dewan IPK Kota Kinabalu Ini Dijalankan Untuk Memberi Input Baru Berkaitan Psikologi Dan Kaunseling Sebagai Nilai Tambah Bagi Pegawai Psikologi.



PROGRAM PENGURUSAN STRESS

24 Februari 2015: Warga KDN Menyertai Program Mengenalpasti Tahap Stress Yang Di Alami,Bertempat Di Dewan Gemilang Aras G, Blok D1, Kompleks KDN.



KURSUS PEMBENTUKAN KARAKTER MELALUI NILAI-NILAI MURNI (ESQ)

26-28 Februari 2015: Kursus yang melibatkan 165 orang ini dijalankan bagi membentuk sahsiah diri dan rohani melalui nilai-nilai murni. Kursus ini telah berlangsung selama dua hari bertempat di Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kajang.



KURSUS KESIHATAN DAN KECERGASAN

5-7 Mac 2015: Seramai 30 orang telah menyertai kursus kesihatan dan kecergasan ini yang telah dijalankan di Pusat Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Sungai Petani, Kedah. Objektif kursus ini adalah:

- I. Memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan kesihatan dalam hidup dalam membentuk gaya hidup sihat.
- II. Mendidik para peserta tentang penjagaan diri dari segi penampilan, emosi, pemikiran, fizikal dan rohani yang berkaitan dengan kesihatan.
- III. Dan memberi tumpuan lebih kepada bidang kerja dan tugas dalam pejabat maupun dirumah.



EHWAL PERKHIDMATAN PERTUKARAN KELUAR

JAN-MAC 2015

Bil	Nama	Jawatan	Dari	Ke	Tarikh Bertukar
1	Murni Hayat binti Mahmud	P.T.D Gred M44	AB	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	16.3.2015
2	Djuliana binti Jamaludin	P.T.D Gred M44	PG	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	16.3.2015
3	Normaryah binti Abd Karim	P.T.D Gred M44	PP	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	23.3.2015
4	Anis binti Mohd Mokhtar	P.T.D Gred M44	KF	Jabatan Perdana Menteri	23.3.2015
5	Mustika Najwa binti Abu Hassan	P.T.D Gred M44	PQ Melaka	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	23.3.2015
6	Siti Hajar binti Hashim	P.T.D Gred M44	SM	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	23.3.2015



PANDUAN HARGA PENGGUNA

ZON TENGAH (SELANGOR, W.P KUALA LUMPUR, W.P PUTRAJAYA)



PENGIRAAN PERUBAHAN HARGA

Kaedah Pengiraan

Perubahan harga selepas GST adalah berdasarkan peratusan impak GST yang telah dikaji secara terperinci. Peratusan impak ini mengambil kira pelbagai faktor yang menyebabkan perubahan nilai harga barang seperti kos pengeluaran, permintaan dan persaingan. **Kaedah pengiraan nilai perubahan harga selepas GST dilaksanakan adalah seperti berikut:**

$$\text{Nilai Perubahan Harga (RM)} = \text{* Impak GST (\%)} \times \text{* Harga (RM)}$$

Kaedah pengiraan harga baru bagi setiap barang setelah GST dilaksanakan adalah seperti berikut:

$$\text{Harga Baru (RM)} = \text{* Harga (RM)} + \text{Nilai Perubahan Harga (RM)}$$

Barangan	*Harga (RM)	**Impak GST (%)	Harga Baru (RM)
1. Ayam Bersih- Standard 1kg	7.10	-0.3	7.08
2. Beras Cap Jati 10kg	26.00	-0.2	25.95
3. Gula Putih Bertapis kasar 1kg	2.84	-0.3	2.83
4. Minyak Sawit Tulen Cap Seri Murni 5kg	13.35	-0.3	13.31
5. Kicap Lemak Manis Cap Jalen 650ml	5.70	5.7	6.02
6. Sardin Cap King Cup (Sos Tomato) 425g	6.30	5.7	6.66
7. Lampin pet Pet M80	38.35	-2.0	37.56
8. Santan Kelapa 1kg	6.45	5.7	6.82
9. Krimer manis Cap Teapot 500g	2.80	5.8	2.96
10. Sabun Pencuci Pinggan Axion Lemon (Paste) 350g	3.90	-1.4	3.85

PENURUNAN HARGA


Nota :
 *Harga : Data kutipan harga oleh KDNKK pada bulan November 2014.
 **Impak GST (%) : Berdasarkan kajian Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Sumber:

Buku Panduan Harga Pengguna yang diterbitkan oleh KDNKK

TIADA PERUBAHAN HARGA

KENAIKAN HARGA



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Blok D1 & D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
 03 - 8000 8000
 03 - 8889 1613, 03 - 8889 1610
 webmaster@moha.gov.my
 @KDNPUTRAJAYA
 Kementerian Dalam Negeri (KDN)
 <http://portal.ikdn.gov.my>

